



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2019/07/43 (HQ)

### 60 ASNAF SEKITAR IBU KOTA MILIKI RUMAH

Hasrat dan impian 60 asnaf dari pelbagai latar belakang di sekitar ibu kota untuk memiliki rumah sendiri menjadi kenyataan dengan keprihatinan Tenaga Nasional Berhad (TNB) melalui Projek Baiti Jannati (PBJ) Wilayah Persekutuan 2019.

Melalui program ini, mereka menerima hak milik rumah dengan nilai keseluruhannya berjumlah RM3.1 juta menggunakan peruntukan agihan semula wang zakat perniagaan TNB.

Menteri Wilayah Persekutuan, YB Khalid Abd Samad, menyempurnakan penyerahan rumah kepada para penerima yang terdiri daripada mereka yang mengalami masalah kecacatan atau Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas, ibu tunggal, miskin tegar dan daif.

“Hak milik rumah di bawah program ini akan dipindahkan kepada penerima yang terpilih dalam kalangan penyewa Program Perumahan Rakyat (PPR) atau Perumahan Awam (PA) DBKL sedia ada, tanpa sebarang bayaran dengan syarat unit berkenaan tidak boleh dijual kepada pihak ketiga tetapi boleh diwariskan kepada anak atau waris terdekat,” kata YB Khalid.

Mengulas lanjut, Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman berkata, PBJ di Peringkat Wilayah Persekutuan telah bermula sejak tahun 2014, yang mana sehingga tahun lalu, seramai 109 orang atau keluarga telah mendapat manfaat dengan nilai berjumlah lebih RM5.02 juta.

Program PBJ di Wilayah Persekutuan turut melibatkan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

“Kita di TNB berharap agar usaha ini bukan sahaja memberikan kegembiraan kepada para penerima, bahkan sedikit sebanyak memberi kelegaan dan keselesaan kepada mereka kerana tidak perlu lagi memikirkan soal bayaran rumah, malah rumah yang mereka miliki ini telah pun diperbaiki dan dibaik pulih agar selesa untuk didiami,” kata Datuk Wira Roslan.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 10 Julai 2019, jam 1.00 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 / Grace Tan di talian 016-6626229 / Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau e-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*